

**HALA TUJU TULISAN JAWI DI SELATAN  
THAILAND: KAJIAN DI SEKOLAH MENENGAH  
AGAMA RAKYAT**

**ABDULRAHMAN YAMASI**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2019**

**HALA TUJU TULISAN JAWI DI SELATAN  
THAILAND: KAJIAN DI SEKOLAH  
MENENGAH AGAMA RAKYAT**

oleh

**ABDULRAHMAN YAMASI**

**Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Doktor Falsafah**

**Februari 2019**

## PENGHARGAAN

Pertama kali saya panjatkan pujian dan kesyukuran kepada Allah yang Maha Mulia, kerana dengan taufik hidayatnya, tesis ini dapat disiapkan. Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih dikalungkan kepada Doktor Shohana Hussin selaku penyelia utama tesis ini yang menggantikan Prof. Madya Dr. Ratna Abdul Razak selaku penyelia sebelum ini. Sesungguhnya tanpa bantuan dan bimbingan Dr. Shohana Hussin yang tidak jemu meluangkan masa untuk menyelia dan membimbing dengan ikhlas dan tekun, tesis ini tidak mungkin dapat direalisasikan dalam bentuk yang ada. Ucapan ribuan terima kasih juga diucapkan kepada seluruh warga kakitangan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia yang membantu secara langsung dan tidak langsung dalam proses penyelidikan yang dijalankan. Tidak lupa terima kasih diucapkan kepada perpustakawan Universiti Sains Malaysia, Universiti Songkhla dan Universiti Islam Pattani di Thailand yang memberi kerjasama mendapatkan bahan-bahan yang diperlukan sepanjang penyelidikan berjalan. Penghargaan terima kasih ini juga dirakamkan kepada Rektor Universiti Fatoni, Profesor Madya Dr. Ismail Lutfi yang sudi berkongsi idea dan pandangan. Begitu juga budi yang ditaburkan oleh rakan-rakan seperjuangan Dr. Abdul Aziz Abdul Rahman, Dr. Ahamakosee Kasor, Dr. Abdullah Uma, Dr. Abdulrahman Sulong dan rakan-rakan lain.

Rakaman penghargaan tidak akan lengkap tanpa ucapan terima kasih atas sokongan moral yang telah diberikan oleh isteri kesayangan Nazmiaya Yahya dan penyeri hidup kami Asma', Fatihah, Atifah, Afnan, Atikullah, Sakirullah dan Syafirullah. Junjungan kasih ditujukan buat ayahbonda tercinta Mahmood Wan Kechik dan Mariam Ali di atas kiriman doa keduanya yang tidak pernah putus dalam

usaha penyelidikan ini. Kalungan kasih jua buat kekanda Fauziah Mahmood dan Ismail Ahmad yang sentiasa membantu sejak awal kajian ini bermula. Akhir sekali, saya mendoakan semoga segala sumbangan, sokongan dan kerjasama yang diberi oleh semua pihak dalam melahirkan tesis ini diberi ganjaran oleh Allah s.w.t. dan dijadikan amal bakti yang memberatkan timbangan amalan baik pada hari akhirat nanti. *Amin Ya Rabbal 'Alamin.*

## **JADUAL KANDUNGAN**

<b>PENGHARGAAN</b>	ii
<b>JADUAL KANDUNGAN</b>	iv
<b>SENARAI JADUAL</b>	x
<b>SENARAI TRANSLITERASI</b>	xii
<b>ABSTRAK</b>	xiii
<b>ABSTRACT</b>	xv
<b>BAB 1 - PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Masalah Kajian	10
1.3 Persoalan Kajian	18
1.4 Objektif Kajian	19
1.5 Skop Kajian	19
1.5.1 Kawasan Kajian	19
1.5.2 Jenis Sekolah	20
1.5.3 Subjek Kajian	21

1.6	Metodologi Kajian	21
1.6.1	Kajian Perpustakaan	21
1.6.2	Kajian Lapangan	22
1.6.2(a)	Kaedah Persampelan Bertujuan	22
1.6.2(b)	Kaedah Temu bual	23
1.6.2(c)	Kaedah Pemerhatian	24
1.6.2(d)	Kaedah Soal Selidik	25
1.7	Kaedah Analisis Data	26
1.7.1	Kaedah Induktif	26
1.7.2	Kaedah Deduktif	27
1.7.3	SPSS	27
1.7.4	Kajian Rintis	28
1.7.5	Kebolehpercayaan Alat Kajian	29
1.7.6	Kajian Sebenar	30
1.8	Kajian Lepas	30
1.9	Susunan Penulisan Tesis	46
1.10	Kesimpulan	48

## **BAB 2- PERKEMBANGAN DAN SEJARAH TULISAN JAWI SELATAN THAILAND**

2.1	Pengenalan	49
2.2	Hubungan Pondok Dan Tulisan Jawi Tulisan Jawi Di Selatan Thailand	50
2.3	Sejarah Perkembangan Pondok Di Selatan Thailand	55
2.4	Sumbangan Pondok Di Selatan Thailand Tentang Tulisan Jawi	58
2.5	Pengajian Kitab-Kitab Jawi Di Pondok	61
	2.5.1 Kedatangan Islam di Patani	64
	2.5.2 Raja Patani Memeluk Islam	67
2.6	Sejarah Perkembangan Tulisan Jawi	70
	2.6.1 Asal Usul Perkataan Jawi	73
	2.6.2 Permulaan Tulisan Jawi	78
	2.6.2(a) Peringkat Batu Bersurat	78
	2.6.2(b) Peringkat Manuskrip	79
	2.6.2(c) Peringkat Percetakan Kitab Kuning	84
2.7	Tulisan Jawi Di Institusi Pengajian Sekolah Di Selatan Thailand	94
	2.7.1 Tulisan Jawi Dalam Pendidikan Kanak-Kanak Di Selatan Thailand	94
	2.7.2 Sistem Pengajian Sekolah Di Selatan Thailand	98
2.8	Kesimpulan	103

**BAB 3 - TULISAN JAWI DI LAPAN SEKOLAH MENENGAH AGAMA  
RAKYAT SELATAN THAILAND**

3.1	Pengenalan	105
	3.1.1 Tiga Wilayah Selatan Thailand	105
3.2	Sekolah Arrahmaniah	111
3.3	Sekolah Sifarida Baru Witya	114
3.4	Sekolah Tun Tanjung	117
3.5	Sekolah Pattena Witya	119
3.6	Sekolah Attarkiah Islamiah	121
3.7	Sekolah Darulhuda Witya	123
3.8	Sekolah Samarddee Witya	125
3.9	Sekolah Pattanatsat Witya Kotabaru	128
3.10	Analisis Pencapaian Tulisan Jawi Di Lapan Sekolah Menengah Agama Rakyat Di Selatan Thailand	130
	3.10.1 Demografi Responden	131
	3.10.2 Latar Belakang Responden	132
	3.10.3 Analisis Data	133
	3.10.3(a) Kajian Terhadap Subjek Bahasa Melayu Bertulis Jawi	133
	3.10.3(b) Kajian Terhadap Penguasaan Tulisan Jawi	143
	3.10.3(c) Kajian Terhadap Cara Guru Mengajar	151



3.10.3(d) Kajian Terhadap Masalah Pembelajaran Tulisan Jawi	160
3.10.3(e) Terjemahan Bahasa Thai Kepada Bahasa Melayu Tulisan Jawi	163
3.11 Kesimpulan	164
<b>BAB 4 - ANALISIS HALA TUJU TULISAN DI LAPAN BUAH SEKOLAH MENENGAH AGAMA RAKYAT DI SELATAN THAILAND</b>	
4.1 Pengenalan	166
4.2 Kedudukan Tulisan Jawi Di Sekolah Menengah Agama Rakyat Selatan Thailand	166
4.2.1 Analisis Tentang Kedudukan Tulisan Jawi	167
4.2.2 Analisis Sambutan Pelajar Terhadap Tulisan Jawi	172
4.2.3 Analisis Masa Depan Tulisan Jawi	176
4.3 Analisis Pandangan Pelajar Tentang Kedudukan Tulisan Jawi Di Lapan Sekolah Menengah Agama Rakyat Di Wilayah Selatan Thailand	181
4.3.1 Kesedaran Pelajar Terhadap Tulisan Jawi	181
4.3.2 Penguasaan Tulisan Jawi	183
4.3.3 Penyampaian Guru Ketika Mengajar	185
4.3.4 Masalah Pembelajaran Tulisan Jawi	186
4.4 Kesimpulan	187

## **BAB 5 - KESIMPULAN DAN SARANAN**

5.1 Pengenalan	188
5.2 Rumusan Kajian	188
5.3 Saranan Kajian	196
5.3.1 Cadangan kepada Pihak Sekolah	194
5.3.2 Cadangan kepada Pihak Guru-guru	196
5.3.3 Cadangan kepada Pihak Pelajar	198
5.3.4 Cadangan kepada Pihak Ibu Bapa	199
5.4 Cadangan Untuk kajian Masa Depan	201
5.5 Kesimpulan	202
<b>BIBLIOGRAFI</b>	203

## **LAMPIRAN**

## SENARAI JADUAL

	<b>Halaman</b>	
Jadual 1.1	Nilai Cronbach's Alpha dan Keboleh Percayaan Instrumen	29
Jadual 3.1	Latar Belakang Responden	132
Jadual 3.2	Pengalaman Responden dengan Tulisan Jawi	133
Jadual 3.3	Soalan 1: Subjek Tulisan Jawi Pada Peringkat Ini Amat Sesuai?	134
Jadual 3.4	Soalan 2: Adakah Anda Belajar Tulisan Jawi Supaya Mudah untuk Membaca al-Quran?	135
Jadual 3.5	Soalan 3: Adakah Anda Belajar Tulisan Jawi Untuk Membantu Memahami Islam?	137
Jadual 3.6	Soalan 4: Adakah Anda Mempelajari Tulisan Jawi Sebagai Satu Ibadah?	138
Jadual 3.7	Soalan 5: Adakah Anda Berminat Tentang Tulisan Jawi?	139
Jadual 3.8	Soalan 6 : Adakah Anda Merasai Tulisan Jawi Akan Pupus?	141
Jadual 3.9	Soalan yang Ditanyakan	143
Jadual 3.10	Soalan 7: Adakah Anda Boleh Mengenal Bentuk Huruf-huruf Jawi	144
Jadual 3.11	Soalan 8: Adakah Anda Mengenal Bentuk Huruf Jawi yang Bersambung?	145
Jadual 3.12	Soalan 9: Adakah Anda Dapat Menyebut Huruf-huruf Jawi	146
Jadual 3.13	Soalan 10: Adakah Anda Dapat Membaca Tulisan Jawi?	147
Jadual 3.14	Soalan 11: Adakah Anda Dapat Menulis Tulisan Jawi?	148
Jadual 3.15	Soalan 12: Anda Selalu Mencatat Isi Huraian Guru dengan Menggunakan Tulisan Jawi?	149
Jadual 3.16	Soalan yang Ditanyakan	151

Jadual 3.17	Soalan 13: Adakah Guru Mempunyai Kemahiran Mengajar?	151
Jadual 3.18	Soalan 14: Adakah Guru Selalu Menilai Pelajar Setelah Selesai Mengajar?	152
Jadual 3.19	Soalan 15: Adakah Guru Sangat Berdisiplin Tinggi dari Masa Masuk hingga Keluar Mengajar?	153
Jadual 3.20	Soalan 16 : Adakah Guru Mempunyai Perancangan Mengajar?	154
Jadual 3.21	Soalan 17: Adakah Guru Menggunakan Alat Bantu Mengajar?	156
Jadual 3.22	Soalan 18: Adakah Guru Mengadakan Kelas Tambahan dan Aktiviti untuk Membantu Kemahiran Tulisan Jawi?	157
Jadual 3.23	Soalan 19: Guru Selalu Memberi Peluang kepada Pelajar untuk Soal Menyoal?	158
Jadual 3.24	Soalan 20 : Guru Sentiasa Mengenal Latar Belakang Pelajar Secara Mendalam?	159
Jadual 3.25	Soalan yang Ditanyakan	160
Jadual 3.26	Soalan 21: Anda Menghadapi Masalah Kerana Keluarga Miskin?	160
Jadual 3.27	Soalan 22: Adakah Anda Menghadapi Masalah Kerana Suasana Persekitaran?	162
Jadual 3.28	Kemampuan Menterjemah Bahasa Thai ke Bahasa Melayu Jawi	164

## SENARAI TRANSLITERASI

Huruf Rumi	Bacaan	Huruf Arab
a	a	أ
b	ba'	ب
t	ta'	ت
th	tha'	ث
j	jim	ج
h	ha'	ح
kh	kha'	خ
d	dal	د
dh	dhal	ذ
r	ra'	ر
z	zay	ز
s	sin	س
sy	syin	ش
s}	sad	ص
d	dad	ض
t	ta'	ط
z	za'	ظ
'	'ain	ع
gh	ghain	غ

Huruf Rumi	Bacaan	Huruf Arab
f	fa'	ف
q	qaf	ق
k	kaf	ك
l	lam	ل
m	mim	م
n	nun	ن
w	waw	و
h	ha'	هـ ، ه
,	hamzah	ء
y	ya'	ي
t		ة

---

Sumber : Pedoman Transliterasi huruf Arab ke huruf Rumi, Dewan Bahasa dan Pustaka, (1992:1-2 ).

**HALA TUJU TULISAN JAWI DI SELATAN THAILAND: KAJIAN DI  
SEKOLAH MENENGAH AGAMA RAKYAT**

**ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan mengkaji kedudukan dan hala tuju masa depan tulisan Jawi di wilayah Selatan Thailand. Khususnya, kajian akan dijalankan di lapan buah sekolah menengah agama rakyat yang terletak di Yala, Pattani dan Narathiwat. Kajian ini juga bertujuan mendapatkan gambaran sebenar kedudukan, perkembangan dan tahap penguasaan tulisan Jawi dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama rakyat yang dipilih. Bagi mencapai matlamat dan tujuan tersebut, penyelidikan ini menggabungkan kaedah kuantitatif dan kaedah kualitatif. Data dan maklumat mengenai pengurusan, pengendalian, dan perkembangan tulisan jawi di sekolah-sekolah yang terlibat diperoleh secara langsung melalui kaedah soal selidik dan juga temu bual. Di samping itu, kajian perpustakaan digunakan bagi mendapatkan maklumat tambahan bagi menyokong analisis dapatan kajian. Hasil kajian mendapati bahawa kedudukan dan perkembangan tulisan Jawi dalam kalangan pelajar sekolah agama rakyat di Selatan Thailand sedang menghadapi kemerosotan yang membimbangkan semua pihak. Majoriti pelajar tidak dapat menguasai tulisan jawi pada tahap yang baik dan memuaskan kerana beberapa isu dan cabaran yang boleh dijelaskan dari aspek faktor dalaman dan faktor luaran di sekolah yang berkenaan. Sehubungan dengan itu, hala tuju masa depan tulisan jawi di wilayah Selatan Thailand boleh dirumuskan sudah hampir berada pada satu tahap yang diancam kepupusan pada masa hadapan. Justeru, sewajarnya kajian ini dapat menyumbang pengetahuan baharu yang berguna kepada semua pihak agar dapat bertindak segera untuk mengatasi isu ini. Perbincangan yang dibangkitkan diharap akan dapat mengekalkan kelestarian tulisan Jawi agar terus kekal

sebagai medium penyampaian ilmu agama dan mempertahankan jati diri masyarakat Islam di wilayah Selatan Thailand.



**THE FUTURE PATH OF JAWI WRITING IN SOUTH THAILAND:  
A STUDY ON RELIGIOUS SECONDARY SCHOOLS**

**ABSTRACT**

This study aims to study the position and future path of Jawi writing in the Southern Thailand. Specifically, this study will be conducted in eight religious secondary schools in Yala, Pattani, and Narathiwat. This study also aims to get a true picture of the position, development and level of mastery in Jawi writing among students in the selected religious secondary schools. To achieve this purpose, this research combined the quantitative and qualitative approaches in research. Data on the management, the handling and the development of jawi writing in the schools involved were obtained from the schools directly using questionnaires and interview methods. In addition, library research was carried out to gather additional information to support the analysis of the findings of the study. Results of the study showed that the development of jawi writing among the students in the religious secondary schools in Southern Thailand is deteriorating and worrying all parties concerned. The majority of students did not have the skills to read and write in jawi satisfactorily, due to a few issues and challenges that can be explained as internal and external factors at the schools concerned. In relation to that, the future path of jawi writing in Southern Thailand can be summarised as being in a state threatened by near extinction. Therefore, it is only proper that this study can contribute useful new knowledge to enable all parties to take immediate action to solve the issue. The discussion raised is hoped to sustain the jawi script so that it can continue to be the medium of instruction in religious knowledge and to sustain the identity of the Islamic society in the three districts of Southern Thailand.

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Tulisan Jawi adalah satu-satunya pusaka ketamadunan Melayu yang telah wujud hampir 1000 tahun.<sup>1</sup> Tulisan Jawi ialah tulisan yang menggunakan huruf-huruf Arab yang dicipta oleh orang Melayu untuk mengeja perkataan-perkataan dalam bahasa Melayu yang dijadikan sebagai bahasa penyampai agama Islam di Kepulauan Melayu.<sup>2</sup> Catatan sejarah menunjukkan bahawa tulisan Jawi pertama telah ditemui di Alam Melayu pada abad ketiga Hijrah.<sup>3</sup> Dalam konteks wilayah Selatan Thailand, kepentingan tulisan Jawi sebagai tulisan ilmu telah dikesan ketika Patani muncul sebagai pusat tamadun dan kesusasteraan Melayu Islam pada abad ke-18 Masihi<sup>4</sup> dengan limpahan penghasilan kitab-kitab agama bertulisan Jawi (Kitab Jawi) yang kekal menjadi rujukan di hampir keseluruhan institusi pendidikan tradisional di Alam Melayu sehingga ke hari ini.<sup>5</sup>

Kemunculan institusi pondok ketika zaman tradisi yang kemudiannya terbentuk menjadi madrasah dan sekolah moden di wilayah selatan Thailand, bahasa Melayu kekal digunakan sebagai bahasa pengantar pengajian yang menggunakan tulisan Jawi.<sup>6</sup> Antara institusi pondok tertua yang sebahagian daripadanya masih aktif menggunakan tulisan Jawi adalah pondok Dala, pondok Beremin, pondok Semelar, pondok Sekam, pondok Benang Badan, pondok Benang Ramah dan pondok Sepanjang. Institusi pondok ini bukan hanya menjadi pusat tumpuan pelajar setempat, bahkan telah menjadi tumpuan dari pelajar dari

---

<sup>1</sup> Mahyudin Yahya (1986) *Ensiklopedia Sejarah Islam*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm 2.

<sup>2</sup> Hashim Musa, (2006) *Sejarah Perkembangan Tulisan Jawi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 1.

<sup>3</sup> Amat Juhari Moain, (1996) *Perancangan Bahasa: Sejarah Aksara Jawi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 15.

<sup>4</sup> Wan Muhammad Shagir Abdullah (2002) *Syeikh Fagih Ali al-Fathani, Tarikh Fathani*, Kuala Lumpur: Khazanah al-Fathaniyah, hlm. 4.

<sup>5</sup> Amat Juhari Moain, *op.cit.* hlm. 18.

<sup>6</sup> Nik Anuar Nik Mahmud (2000) *Sejarah Perjuangan Melayu Patani 1785-1954*, Farid Mat Zin (terj.), Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan, hlm. 13.

negara asing seperti Sri Lanka, Burma, Kemboja, Malaysia dan Indonesia.<sup>7</sup> Perkembangan ini telah mengangkat Bahasa Melayu bertulisan Jawi sebagai media pengajaran telah tersebar dan berkembang bersama-sama taburan para pelajar yang datang dari negara luar.

Walau bagaimanapun perubahan struktur pengajian pondok tradisional kepada bentuk madrasah dan sekolah agama rakyat yang dikawal oleh kerajaan Thailand, telah menyebabkan bahasa Thai telah digunakan sebagai bahasa pengantar walaupun dalam pendidikan agama Islam. Hal ini telah memberi kesan kepada perkembangan tulisan Jawi.<sup>8</sup> Meskipun sekolah-sekolah agama dalam bentuk baharu ini sangat membantu dalam usaha meningkatkan mutu pembelajaran dan pengajaran pelajar-pelajar pada keseluruhannya, namun penggunaan bahasa Thai sebagai bahasa pengantar dalam pengajian pendidikan agama Islam telah mengakibatkan kemerosotan yang ketara dalam penguasaan bahasa Melayu dan tulisan Jawi dalam kalangan majoriti pelajar Muslim, khususnya di Selatan Thailand.<sup>9</sup>

Penulisan memberikan sumbangan dan memainkan peranan penting yang telah membawa dakwah Islamiah kepada golongan Islam dan golongan yang belum menganut Islam. Penulisan bercorak agama dalam bentuk tulisan Jawi telah dibuktikan menjadi sebab agama Islam tersebar di Alam Melayu. Kedatangan agama Islam ke Nusantara pada abad ke-7 M membuktikan perkara ini.<sup>10</sup> Selain itu, penemuan Batu Bersurat Terengganu pada tahun 1302 M adalah satu lagi bukti tentang kehadiran Islam di Nusantara. Hal yang juga mengukuhkan peranan dan

---

<sup>7</sup> Hasan Madman (2001) *Pondok dan Madrasah Di Patani*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm 11.

<sup>8</sup> Vinit Sankharat (2001) *Adid Patjuban Let Anakut Khon Runrian Aekajhun Son Sasna Islam*, (Semalam Hari ini Esok Sekolah Agama Rakyat) Ciang Mai Thailand: Universiti Cianmai, hlm. 63.

<sup>9</sup> Ahmad Darma (2002) *Gerakan Rakyat dalam pembinaan bahasa Melayu di Patani*, Prosidang Kongres Bahasa dan Persatuan Melayu IV, (peny.) Awang Sariah, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 86.

<sup>10</sup> Wan Hussein Abd. Kadir (1979) *Pendakwahan Islam Dan Perkembangannya Di Alam Melayu Dari Abad Ke 7- 17 Masihi*. Kertas kerja di bentang di Pangong Dewan Bandaraya, Kuala Lumpur pada 19/9/1979, hlm. 5.

sumbangan tulisan Jawi sebagai medium dakwah Islam di Nusantara<sup>11</sup> ialah kerana tulisan Jawi lebih sesuai untuk melambangkan bunyi sebutan istilah-istilah agama Islam yang kebanyakannya bersumberkan al-Quran dan Hadis yang wajib disebut secara tepat supaya tidak berlaku perubahan sebutan yang mudah berlaku sekiranya istilah-istilah itu dieja dengan tulisan selain jawi.<sup>12</sup>

Peri pentingnya tulisan Jawi dalam konteks perhubungan dan perluasan pengaruh juga boleh dilihat dalam era penjajahan Inggeris dan Belanda di Alam Melayu. Para pegawai penjajah dan pembesar Melayu telah menggunakan bahasa Melayu tulisan Jawi dalam semua urusan surat menyurat sama ada yang rasmi atau yang tidak rasmi pada zaman berkenaan. Begitu juga, bahasa Melayu tulisan jawi telah digunakan dalam setiap perjanjian penting yang tercatat dalam rekod rasmi kerajaan-kerajaan Melayu dengan pihak penjajah berkenaan. Malahan, sejak tahun 1731 M lagi telah terdapat seorang ketua Paderi Kristian bernama G. H. Werndly yang menjadi ketua penterjemah kitab Injil ke dalam bahasa Melayu. Hal ini menunjukkan pengaruh tulisan Jawi tidak hanya digunakan dalam urusan diplomatik oleh kerajaan Melayu di Nusantara, malah ia juga berperanan sebagai media penyebaran agama Kristian di alam Melayu pada ketika itu.<sup>13</sup>

Perkembangan ini menandakan, tulisan Jawi bernilai tinggi kerana telah kekal sebagai media komunikasi dan perakam khazanah warisan ilmu pengetahuan serta sejarah yang panjang di rantau Asia Tenggara. Tulisan Jawi menjadi asas kepada perkembangan Tamadun Melayu yang memberi imej yang tersendiri kepada bangsa

---

<sup>11</sup>Syed Muhammad Naquib Al-Attas (1970) *The Correct Date of The Trengganu Inscription*, Kuala Lumpur: Muzium Negara, hlm. 1. Dan lihat, Dusuki Haji Ahmad (1982) *Ikhtisar Perkembangan Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 521.

<sup>12</sup> Hashim Musa, 2006, *op.cit.*, hlm 9.

<sup>13</sup> *Ibid*, hlm. 101.

Melayu pada pandangan masyarakat dunia. Ia juga menjadi bahan kesenian masyarakat Melayu di rantau ini yang dimanifestasikan dalam bentuk ukiran, khat dan hiasan dan seni bina bagi masyarakat Melayu di mana pun mereka berada.<sup>14</sup>

Sepanjang tempoh penguasaan kerajaan Melayu Islam Patani, yang meliputi enam abad, tulisan Jawi di Patani telah mencapai tahap kegemilangan dan berperanan sebagai tulisan perantaraan atau perhubungan antara masyarakat Melayu dengan para pedagang yang menyebarkan Islam di Alam Melayu. Sehubungan dengan itu, pada abad ke-18 M dan abad ke-19 M tulisan Jawi di Patani menjadi semakin penting sebagai tulisan ilmu yang mengangkat Patani sebagai pusat tamadun dan kesusasteraan Melayu Islam, dengan penghasilan kitab-kitab agama hasil pengorbanan dan kegigihan para ulama Patani.<sup>15</sup>

Penulisan kitab-kitab agama begitu subur di Patani; beratus-ratus kitab dan risalah telah diterbitkan. Kitab-kitab tersebut masih digunakan hingga kini, bukan sahaja di Patani tetapi juga di seluruh Kepulauan Melayu, Malaysia, Singapura, Negara Brunei Darussalam dan Indonesia. Bahasa yang digunakan dalam kitab-kitab itu adalah bahasa Melayu klasik. Kitab-kitab seperti *Matla' al-Badrain*, adalah sebuah kitab yang membincangkan ilmu usul fiqh dan menjadi kitab fiqh yang terkenal di alam Melayu. Kitab ini ditulis oleh Syaikh Wan Muhammad bin Wan Ismail bin Wan Ahmad bin Wan Idris bin Wan Tin bin Syaikh Wan Senik al-Karisiqi al-Fathani yang bermazhab Syafie. Beliau juga dikenali dengan nama Syaikh Muhammad bin Ismail Daudi al-Fathani atau Syaikh Nik Mat Kecil al-Fathani

---

<sup>14</sup> Shohana Hussin (2010) *Pemikiran Pembangunan Modal Insan dalam Kitab Hidayah al-Salikin: Kajian Tekstual dan Kontekstual*, (Tesis PhD, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur).

<sup>15</sup>Wan Muhammad Shagir Abdullah (2002) *Syeikh Fagih Ali al-Fathani, Tarikh Fathani*, Kuala Lumpur: Khazanah al-Fathaniyah, hlm. 4.

beliau adalah cucu saudara kepada Syaikh Daud bin Abdullah al-Fathani (meninggal di Mekah tahun 1333 H./1914 M).

Selain itu kitab *Furu' al-Masail* atau judul penuhnya *Furu' al-Masail wa Ushul al-Wasail* juga merupakan sebuah kitab yang terkenal dan masih digunakan sebagai rujukan di alam Melayu. Penulisnya seorang tokoh ulama terkenal dari alam Melayu bernama al-'Allamah al-Syaikh Daud bin 'Abdullah al-Fathani (1265H). Beliau merupakan seorang tokoh ulama Nusantara yang terkenal dengan banyak karya tulisnya dalam berbagai bidang ilmu agama. Kitab *Furu' al-Masail* ini begitu terkenal dalam kalangan ulama dan penuntut ilmu agama, khususnya dalam bidang fiqh mazhab Syafi'i di Nusantara. Ia menjadi kitab rujukan dan teks pembelajaran di masjid-masjid dan institusi pondok.<sup>16</sup>

Bersama dengan perkembangan ini, kemandirian institusi-institusi pengajian pondok yang terkenal dapat dipertahankan sehingga ke hari ini. Keistimewaan pengajian Islam di Patani kerana menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dengan penggunaan tulisan Jawi.<sup>17</sup> Semasa Patani menjadi pusat tamadun kesusasteraan Melayu berunsur Islam dari abad ke-17 hingga ke-19, negeri ini banyak melahirkan tokoh pemikir Islam. Antaranya adalah seperti tokoh seperti Syaikh Daud Abdullah al-Fatani, Syaikh Wan Ahmad al-Fatani, Syaikh Zainal Abidin al-Fatani dan beberapa tokoh lain lagi. Patani menjadi tumpuan para pelajar Islam seluruh alam Melayu sebelum mereka meneruskan pengajian ke Mekah atau Mesir. Institusi pengajian pondok di Patani berkembang luas ke serata semenanjung dan gugusan kepulauan Melayu. Peranan ini mengharumkan nama Patani dan

---

<sup>16</sup> Amat Juhari Moain (1996) *op.cit.*, hlm. 18.

<sup>17</sup> Nik Anuar Nik Mahmud (2000) *op.cit.*, hlm. 13.

mengangkat nama Patani di persada ilmu sebagai pusat kegiatan Islam terulung di rantau Nusantara.<sup>18</sup>

Pendidikan Islam dalam kalangan masyarakat Islam di Selatan Thailand bermula di rumah guru-guru agama, surau dan masjid. Kemudian, untuk mendapat latihan yang lebih khusus di peringkat yang lebih tinggi, kanak-kanak ini perlu belajar di tempat lain. Kebanyakan ibu bapa biasanya akan menghantar anak mereka ke pengajian pondok yang tertentu dan berharap anak-anak mereka akan menjadi pemimpin dalam kalangan masyarakat, atau sekurang-kurangnya mampu memikul tanggungjawab sebagai seorang Islam terhadap keluarga mereka kelak.<sup>19</sup>

Pendidikan Islam di Selatan Thailand berlangsung secara tidak formal melalui pengajian al-Quran. Setiap lapisan masyarakat di sini mengutamakan pengajian al-Quran. Pengajian al-Quran ini diajar di masjid, madrasah dan di rumah “tok guru Quran,” Di setiap kampung terdapat sekurang-kurangnya seorang Tok guru Quran. Tok-tok guru ini mendapat penghormatan yang tinggi dalam kalangan masyarakat kerana mereka mengajar al-Quran secara percuma tanpa sebarang bayaran. Tetapi sejak kebelakangan ini, terdapat sistem pengajian al-Quran yang baharu iaitu kaedah membaca al-Quran melalui sistem *qira’ati*. Sistem pembelajaran ini mendapat sambutan baik dalam kalangan masyarakat Melayu di tiga wilayah selatan Thailand. Malah masyarakat telah mengumpulkan wang untuk perbelanjaan keperluan asas seperti bayaran elektrik dan sumbangan kewangan kepada guru-guru yang mengajar, dan sebagainya. Selepas itu, pelajar akan

---

<sup>18</sup>Mohd Zamberi A. Malek (2006) *Pensejarahan Patani*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, hlm. 12.

<sup>19</sup>Hasan Madman (2001) *op.cit.*, hlm. 92.

berpindah pula ke peringkat pengajian yang lebih tinggi, sama ada dengan mengikuti pengajian di sekolah, pengajian pondok dan seterusnya, ke peringkat universiti.<sup>20</sup>

Pandangan semesta ilmu berasaskan pengajian al-Quran yang dirakamkan dalam tulisan Arab yang kemudiannya dicerap oleh masyarakat Melayu kepada bentuk tulisan Jawi dalam pembelajaran dan pengajaran ilmu agama ini berasal daripada tuntutan “membaca” yang terdapat pada ayat al-Quran. Perkara ini menjadi dasar dan asas dalam tradisi Islam bahawa pembelajaran dan pengajaran itu dimulai dengan membaca. Hal ini pula dikaitkan dengan tulisan yang menjadi media yang memungkinkan kebolehan membaca dan penyampaian ilmu serta makna al-Quran. Allah SWT telah menekankan perkataan “Qalam” “Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan.” Allah SWT telah memberi penekanan istimewa terhadap kepentingan tulisan yang menjadi perantaraan, seperti firman Allah SWT dalam al-Quran, Surah *al-‘Alaq* dari ayat pertama hingga ayat kelima yang bermaksud:

Bacalah dengan (menyebut) nama Tuhanmu yang menciptakan. Dia telah menciptakan manusia dari segumpal darah. Bacalah, dan Tuhanmu yang paling pemurah. Yang mengajar (manusia) dengan perantaraan kalam. Dia mengajarkan kepada manusia apa yang tidak diketahuinya.<sup>21</sup> (Surah *al-‘Alaq*, 96: 1-5).

Ketika Rasulullah SAW berumur 40 tahun, turunlah wahyu pertama daripada Allah SWT kepada baginda. Ayat ini telah dihafaz sehingga kekal dalam ingatan baginda. Oleh kerana Rasulullah SAW merupakan yang seorang ummi (yang tidak tahu membaca dan menulis), maka baginda telah meminta sahabat-sahabat baginda untuk menulis wahyu-wahyu yang turunkan oleh Allah SWT melalui Jibrail itu. Ada

---

<sup>20</sup>Temu bual dengan Ustaz Ismail Samah guru mengajar Quran sistem qira’ati, Kampung Setar, Yaring, Patani, pada tanggal 25/6/2013.

<sup>21</sup>Abdullah Basmeih (2008) *Al-Quran Al-Karim Mushaf Tajwid berserta terjemahan ke dalam bahasa Malaysia*, Sheikh Abdullah Basmeih (terj.), Kuala Lumpur: Darulfikir, hlm. 597.



antara sahabat yang menulis keseluruhannya sejak dari awal hingga akhir dan ada juga yang menulis hanya sekali-sekala. Pada akhirnya, penulis wahyu berjumlah sehingga 42 orang. Penurunan wahyu telah mengambil masa selama 23 tahun.<sup>22</sup>

Justeru, kepentingan tulisan bermula sejak zaman Rasulullah SAW lagi. Daripada contoh yang disebutkan tadi jelas bahawa Rasulullah SAW telah perintah kepada sahabat-sahabatnya supaya al-Quran ditulis sehingga terdapat ramai jumlah sahabat yang dapat menulis isi wahyu dari Allah s.w.t. Sehubungan dengan itu, pentingnya penulis wahyu telah menjadi ibrah kepada umat Islam kemudian. Mereka sangat penting kepada penulisan wahyu sejak awal Islam lagi, kerana meskipun Rasulullah SAW seorang ummi, yakni orang yang tidak boleh menulis dan membaca. Namun, petunjuk yang diberikan oleh Rasulullah SAW sebagai pemimpin negara bukanlah ditekankan kepada hafalan semata-mata, bahkan diikuti dengan penulisan untuk penyebaran *kalamullah* sehinggalah Islam boleh tersebar sampai ke serata pelosok dunia hingga ke kawasan-kawasan yang tidak mampu dicapai oleh pendakwah yang asal. Begitulah juga keadaannya dengan Alam Melayu.

Dengan itu, tulisan Jawi adalah tulisan yang berkaitan dengan tulisan al-Quran. Tulisan Jawi berasal daripada tulisan Arab yang datang ke Kepulauan Melayu bersama-sama dengan kedatangan agama Islam. Sememangnya sejarah penggunaan tulisan Jawi amat rapat dengan sejarah kemasukan dan penghayatan Islam di seluruh Kepulauan Melayu umumnya dan di Patani khususnya.

Tulisan Jawi dicipta oleh orang Melayu berasaskan huruf Arab untuk mengeja perkataan dalam bahasa Melayu yang dijadikan sebagai bahasa agama Islam

---

<sup>22</sup>Abdul Rahman Abdullah (2007) *Sejarah dan Tamadun Islam*, Alor Setar: Pustaka Darussalam, hlm. 98.

walaupun sebelum ini bahasa Melayu sudah mempunyai ejaan Jawi. Ini adalah kerana tulisan Jawi lebih serasi untuk melambangkan bunyi istilah-istilah agama Islam yang kebanyakannya bersumberkan al-Quran dan al-Hadis yang wajib disebut secara tepat supaya tidak berlaku perubahan bunyi sekiranya dieja dalam tulisan yang selain Jawi.<sup>23</sup>

Dalam sejarah penyebaran agama Islam, ada beberapa bahasa yang telah dijadikan bahasa agama Islam dengan penggunaan sistem tulisan yang diasaskan daripada skrip Arab. Antaranya ialah bahasa Parsi, bahasa Turki, bahasa Swahili (Afrika), tulisan Urdu, dan bahasa Melayu. Daripada bahasa-bahasa itu yang masih kekal menggunakan skrip Arab ialah bahasa Parsi dan bahasa Urdu, selain daripada bahasa Arab sendiri. Sementara itu, bahasa Turki, bahasa Swahili dan bahasa Melayu sudah pun beralih kepada tulisan Rumi. Bahasa Melayu hanya menggunakan skrip Arab atau tulisan Jawi dalam kebanyakan hal yang berkaitan dengan bidang agama ataupun oleh orang-orang lama yang masih menyimpan nostalgia dengannya seperti Utusan Melayu.<sup>24</sup>

Kepentingan tulisan terhadap sesuatu bangsa adalah petunjuk kepada pengekalan tamadun bangsa tersebut. Justeru, kepentingan tulisan Jawi terhadap masyarakat Melayu Islam di Selatan Thailand adalah elemen jati diri dan identiti masyarakat minoriti tersebut. Kemampuan mereka menguasai bahasa Melayu dalam tulisan Jawi juga menjadi sebahagian identiti mereka yang membezakan komuniti tersebut dengan masyarakat bukan beragama Islam di Selatan Thailand. Kepentingan ini kian terdesak jika dinilai dari aspek peranan yang dimainkan oleh

---

<sup>23</sup> Hashim Musa (2005) *Peranan Tulisan Jawi Dalam Perkembangan Islam di Malaysia*, *Jurnal Pengajian Melayu*, Jid. 16, Akademik Pengajian Melayu Universiti Malaya, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, hlm 89-90.

<sup>24</sup> *Ibid.*

tulisan Jawi selama ratusan tahun di wilayah ini sebagai alat persuratan dan penyampaian ilmu-ilmu agama yang sah dan berautoriti.<sup>25</sup>

Cabaran dan permasalahan ini perlu diberi perhatian segera oleh pihak-pihak terlibat kerana kelewatan menangani isu ini akan memungkinkan kepupusan bahasa Melayu dan tulisan Jawi dari sejarah ketamadunan masyarakat Melayu di Thailand, di samping isu-isu penting lain yang berkait dengannya. Justeru, kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti tahap pencapaian tulisan Jawi dan seterusnya melakar hala tuju tulisan Jawi di sekolah menengah agama rakyat khususnya di Selatan Thailand.

### **1.1.1 Latar Belakang Masalah Kajian**

Bermula pada tahun 1966, pemerintah Thailand telah menguatkuasakan peraturan supaya sekolah kerajaan dan sekolah agama melaksanakan sistem berkelas dan mata pelajaran bahasa Thai dijadikan pelajaran wajib. Kemudian, pada tahun 1972, peraturan yang mewajibkan sekolah-sekolah agama rakyat menyelenggarakan semua pendidikan formal menggunakan pengantar bahasa Thai telah dikuatkuasakan. Hanya selepas enam tahun kemudian, pada tahun 1979 pemerintah Thai mewujudkan dasar baharu yang mewajibkan pengantar bahasa Thai digunakan dalam kurikulum pendidikan agama Islam di semua sekolah umum, termasuk sekolah agama rakyat yang tertumpu di wilayah selatan Thailand.<sup>26</sup> Mulai dari tarikh tersebut penguasaan bahasa Melayu dan tulisan Jawi dalam kalangan pelajar dikesan semakin merosot. Kemerossotan juga berlaku dalam usaha mendaulatkan bahasa Melayu dan tulisan Jawi dalam kalangan pengajar di institusi pendidikan Islam di wilayah selatan

---

<sup>25</sup>Ahmad Darma (2005) *Tulisan Jawi Sejarah, Seni dan Warisan*, Pahang: Penerbit Lembaga Muzium Negeri Pahang Raihan Creative (M) Sdn Bhd, hlm 34.

<sup>26</sup> *Ibid.*, hlm. 87.

Thailand. Kesan langsung dari fenomena ini telah menjadikan masyarakat Melayu Islam di wilayah selatan Thailand tidak lagi berbicara dalam bahasa Melayu dan tidak lagi menggunakan tulisan Jawi dalam hampir semua keperluan hidup mereka. Kini gejala-gejala kepupusan bahasa Melayu dan tulisan Jawi sudah semakin kritikal. Hal ini ditunjukkan melalui penggunaan bahasa Melayu yang sudah tercemar akibat percampuran dan dominasi bahasa Thai dalam hampir semua aspek komunikasi masyarakat secara keseluruhan dan aspek pendidikan pada semua peringkat sekolah di Thailand.<sup>27</sup>

Tinjauan dari aspek peranan institusi pondok sebagai agen yang pernah menyemarakkan perkembangan tulisan Jawi sudah tidak lagi memberangsangkan sebagaimana peranan yang dimainkannya pada satu ketika dahulu. Institusi pondok sudah makin berkurang dan yang masih aktif beroperasi dapat dihitung dengan jari. Sebahagian besar ulama tua yang telah mendukung aspirasi yang sama dengan pengasas awal pondok sudah tiada lagi kerana telah meninggal dunia. Waris yang meneruskan legasi pondok pula ada yang terbawa-bawa dengan arus untuk menukar aliran pendidikan dari pendidikan pondok menjadi pendidikan agama berkelas yang lebih dikenali sebagai sistem sekolah agama rakyat dan madrasah moden. Sekolah agama rakyat ini bukanlah institusi pondok seperti pengertiannya yang asal. Kehadiran sekolah-sekolah agama rakyat bentuk baharu ini sekali gus membuka pintu untuk kemasukan bahasa Thai dalam institusi pendidikan Islam. Selama

---

<sup>27</sup> *Ibid.*

puluhan tahun sebelum ini bahasa Thai tidak dapat memasuki institusi pondok untuk digunakan dalam pendidikan Islam.<sup>28</sup>

Sekolah-sekolah agama dalam bentuk baharu ini sangat membantu usaha meningkatkan masa pembelajaran yang diatur melalui kelas, sesuai dengan tingkat kemampuan pelajar, di samping memasukkan ilmu-ilmu baharu yang tidak pernah diajarkan di pondok-pondok sebelum ini. Bagaimanapun, cara memasukkan seperingkat ilmu pengetahuan umum dengan pengantar bahasa Thai itu seolah-olah mendatangkan masalah baharu. Kehadiran bahasa Thai ke dalam sistem pengajian Islam ini agak merugikan, kerana ia mengakibatkan lunturnya bahasa Melayu, dan tulisan Melayu.<sup>29</sup>

Hal ini sangat jauh bezanya dengan sejarah dan sumbangan institusi pondok dalam penyebaran bahasa Melayu dan tulisan Jawi pada masa dahulu. Antara pondok-pondok tertua yang aktif dalam usaha murni ini adalah seperti pondok Dala, pondok Beremin, pondok Semelar, pondok Sekam, pondok Benang Badan, pondok Benang Ramah dan pondok Sepanjang. Perluasan penggunaan tulisan Jawi dalam bahan rujukan pelajaran di pondok yang disenaraikan tersebut telah memperluaskan penggunaan Bahasa Melayu hingga ke luar daripada daerah Thailand. Hal ini terjadi kerana pondok ini tidak hanya menjadi pusat tumpuan pelajar setempat sahaja,

---

<sup>28</sup> Vinit Sankharat (2001) *Adid Patjuban Let Anakut Khon Runrian Aekajhun Son Sasna Islam*, (Semalam, Hari ini dan Esok Sekolah Agama Rakyat) Cing Mai Thailand: Penerbit Universiti Cianmai, hlm. 63.

<sup>29</sup> Ahmad Darma (2002) *Gerakan Rakyat dalam pembinaan bahasa Melayu di Patani*, Prosidang Kongres Bahasa dan Persatuan Melayu IV, Awang Sarian (peny.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 341.

bahkan ia juga menjadi tumpuan pelajar-pelajar dari luar negara, seperti Sri Lanka, Burma, Kemboja, Malaysia dan Indonesia.<sup>30</sup>

Kemerosotan penguasaan tulisan Jawi boleh diselusuri melalui perkembangan dasar pendidikan Thailand sendiri. Sejak tahun 1961, pemerintah Thailand, iaitu semasa zaman kerajaan *Chulalongkorn* atau dikenali Raja Rama V,<sup>31</sup> telah menyenaraikan semua institusi pendidikan Islam (pondok) dan peraturan telah adakan bagi mengharuskan semua pondok mengubah sistem pendidikan mulai pada tahun 1966. Selain mengadakan sistem berkelas sesuai dengan tingkat kemampuan pelajar, pondok juga mesti memasukkan mata pelajaran bahasa Thai dalam kurikulumnya. Pada tahun 1972, peraturan baharu telah mewajibkan sekolah-sekolah agama rakyat melaksanakan pendidikan formal, dengan pengantar bahasa Thai. Justeru, peraturan tersebut menjejaskan kedudukan bahasa Melayu yang selama berpuluh-puluh tahun sebelum ini dipertahankan oleh pendidikan pengajian pondok. Namun begitu, pemerintah Thailand masih belum berhasil untuk menggantikan bahasa pengantar untuk mata-mata pelajaran yang berkaitan dengan agama, kerana mata-mata pelajaran bahasa Melayu masih lagi menggunakan perantaraan bahasa Melayu dengan tulisan Jawi.<sup>32</sup>

Pada tahun 1979, pemerintah Thailand mengadakan dasar baharu, yang memasukkan pelajaran agama Islam ke dalam kurikulum sekolah umum pemerintah dengan menggunakan pengantar bahasa Thai. Dengan perubahan ini mereka

---

<sup>30</sup> Hasan Madman (2001) *op.cit.*, hlm 11.

<sup>31</sup> Nama penuh *Phra Bat Somdet Phra Poramintharamaha Chulalongkorn Phra Chunla Chom Klao Chao Yu Hua* atau Rama V (20 September 1853 – 23 Oktober 1910) ialah Raja Siam kelima di bawah Wangsa Chakri. Baginda dikenali oleh orang Siam pada masanya sebagai *Phra Phuttha Chao Luang* (Buddha Di Raja). Baginda dilantik sebagai Raja Rama V selepas kemangkatan Mongkut pada 1 Oktober 1868 semasa berumur 15 tahun.

<sup>32</sup> Ahmad Darman *op.cit.*, hlm. 344.

mengharapkan pelajar-pelajar yang lulus sekolah umum kelak tidak perlu lagi menyambung pelajaran mereka ke sekolah menengah agama rakyat. Setakat ini kesannya belum lagi dapat dirasai. Namun, dalam tempoh tidak berapa lama lagi, orang Melayu di Patani tidak lagi akan dapat berbicara dalam bahasa Melayu dan tulisan Jawi dalam semua urusan kehidupan mereka. Kini sudah ada gejala-gejala yang menunjukkan bahawa bahasa Melayu di Patani akan pupus kerana penggunaannya dalam kalangan masyarakat sudah dicemari akibat pertembungannya dengan bahasa Thai. Hal ini ketara terutamanya, dalam bahasa lisan kini sudah cukup banyak istilah, baik secara sedar mahupun tidak, yang telah diambil daripada bahasa Thai. Contoh perkataan *tammada* ertinya biasa, *campen* ertinya penting dan banyak lagi kini sudah menjadi perkataan orang Melayu Patani.<sup>33</sup>

Tulisan Jawi di Patani hidup sebagai orang asing di negeri sendiri. Sebagai salah satu tulisan yang pernah akrab dengan bahasa Melayu, kiranya jasa baik tulisan Jawi harus dikenang. Realiti kini tulisan Jawi telah tenggelam di arus kemodenan. Tulisan Jawi sudah tidak relevan lagi kerana ia tidak mempunyai nilai komersial dan sukar dihubungkan lagi keterikatan dan keperluannya dengan pembaca. Kebanyakan masyarakat Melayu beranggapan bahawa tulisan Jawi hanya dikhususkan kegunaannya dalam bidang agama sahaja. Hal ini menjadikan tulisan Jawi sekadar dikenali dalam lipatan sejarah. Oleh itu, seandainya masyarakat Melayu Patani yang menjadi teras kekuatan tamadun Melayu di wilayah Selatan Thailand tidak mempertahankan tulisan Jawi sebagai ciri ketamadunan mereka maka masa depan tulisan Jawi tentulah akan pupus ditelan zaman.

---

<sup>33</sup> *Ibid.*

Landasan hujah ini boleh disandarkan kepada pandangan seorang pakar tulisan Jawi iaitu Profesor Kang Kyoung Seok<sup>34</sup> yang menegaskan perkembangan tulisan Jawi di Alam Melayu sudah semakin pupus. Kepupusan tulisan ini dikaitkan dengan peranan setiap pihak dan lapisan masyarakat. Penekanan beliau terhadap peranan generasi muda dan golongan berpendidikan sangat jelas untuk mengelak hal ini berlaku. Tulisan Jawi adalah satu keunikan ciri bangsa Melayu yang perlu dipertahankan melalui penambahbaikan terhadap sistem tulisan jawi itu sendiri, di samping meluaskan kemahiran penggunaannya kepada masyarakat umum. Ketegasan pandangan ini jelas apabila beliau menyebut:

Tetapi di universiti pun hampir tidak ada orang yang mahir ataupun orang yang mahu menyelidik, hanya terdapat ramai sarjana yang menggunakannya sahaja. Penggunaan tulisan Jawi mesti berdasarkan teori dan sistemnya. Tanpa keduanya tulisan Jawi tidak boleh bertahan lama. Lama kelamaan tulisan Jawi itu boleh jadi di musnahkan oleh masyarakat.<sup>35</sup>

Perihal kepentingan tulisan Jawi tetap dipertahankan dan dilanjutkan dalam temu bual terkini Prof. Kang Kyoung Seok bersama wartawan Utusan Borneo. Dengan menggunakan Malaysia sebagai kes rujukan, beliau menekankan agar rakyat Malaysia perlu dan bertanggungjawab mempelajari tulisan jawi agar khazanah kebudayaan tidak hilang. Tulisan Jawi yang menjadi khazanah tidak ternilai dalam tradisi keilmuan Melayu perlu diangkat semula kerana ia sebahagian daripada warisan sejarah dan ketamadunan Melayu. Untuk itu, semua pihak perlu

---

<sup>34</sup> Profesor Kang Kyoung Seok adalah seorang pakar tulisan Jawi di Busan University of Foreign Studies, Korea Selatan. Beliau menghasilkan banyak kajian dalam bidang tulisan Jawi sehinggakan teori beliau pernah dibandingkan dengan teori Prof. Hashim Musa dalam Noorina Hassan (2010), *Sejarah perkembangan tulisan Jawi : kajian perbandingan antara teori Kang Kyoung Seok dan teori Hashim Musa*, Desertasi Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam Universiti Melayu Kuala Lumpur.

<sup>35</sup>Kang Kyoung Seok (1990) *Perkembangan Tulisan Jawi Dalam Masyarakat Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 111-112.



mengambil langkah yang proaktif untuk memperkasakan tulisan Jawi terutamanya kepada kalangan generasi baharu agar mereka tidak melupakan asal usul ciri kebudayaan yang membentuk jati diri dan identiti mereka. Lanjutan dari itu, beliau turut menyarankan agar sistem ejaan jawi yang digunakan sekarang perlu diganti dengan sistem ejaan jawi Za'ba kerana bentuknya yang lebih ringkas dan mudah dipelajari.<sup>36</sup>

Masa depan dan hala tuju tulisan jawi perlulah jelas agar masyarakat umum dapat membawa aspirasi ini ke tengah-tengah masyarakat dan tidak hanya berlegar dalam kalangan cendekiawan sahaja. Oleh itu, institusi pendidikan perlu memainkan peranan untuk memulih, memelihara dan mengembangkan tulisan jawi dari peringkat sekolah sehinggalah ke peringkat universiti. Pusat pembelajaran tulisan Jawi yang khas perlu diwujudkan. Dengan itu kelangsungan warisan ini boleh diteruskan kepada generasi baharu yang akan datang. Pengalaman negara Indonesia yang meminggirkan tulisan Jawi boleh diambil sebagai teladan kerana kedudukan tulisan Jawi di negara tersebut makin parah berbanding di Malaysia. Soalnya, apakah Selatan Thailand juga akan mengikut langkah yang sama? Kini generasi muda bukan sahaja kurang minat mempelajari tulisan jawi tetapi langsung tidak mempedulikan tulisan jawi. Jika keadaan ini berterusan, tulisan jawi akan terkubur. Tambahan pula sudah ramai pakar tulisan tersebut yang sudah bersara dan lanjut usia.<sup>37</sup> Jika tidak ada usaha-usaha dilakukan untuk memulihkan tulisan jawi, jangkaan unjuran yang

---

<sup>36</sup>Petikan temu bual oleh Wartawan Utusan Borneo Encik Abd. Naddin Shaidin dengan Prof. Kang Kyoung Seok, sebuah hotel di Kota Kinabalu, pada 16/1/2016.

<sup>37</sup> Di antara penulis yang masih ada tapi lanjut usianya Profesor Madya Dr. Ismail Lutfi Japakiya. Rektor Universiti Fatoni, Penolong Profesor Dr. Ammad Umar Japakiya. Dan sudah meninggal antaranya Dr. Mohd. Lazim Lawi.

pernah dilaporkan ialah kira-kira 20 atau 30 tahun akan datang, tulisan itu akan dihanyutkan jauh-jauh ke tengah lautan.<sup>38</sup>

Oleh itu, nampaklah bahawa kepentingan tulisan sesuatu bangsa adalah satu tamadun yang akan kekal atau dikenali selagi bangsa itu kekal. Begitulah pentingnya tulisan terhadap sesuatu bangsa atau sesuatu tamadun. Demikian juga dengan masyarakat minoriti Islam di Selatan Thailand yang sangat mementingkan tulisan Jawi. Sebab itulah identiti masyarakat Islam di Selatan Thailand melambangkan Islam melalui tulisan. Tulisan Jawi ini bukan sekadar digunakan sebagai alat persuratan semata-mata, malah lebih penting lagi, ia memainkan peranan untuk menyampaikan ilmu, terutamanya ilmu agama. Sejarah ketamadunan juga telah membuktikan bahawa tulisan Jawilah yang memainkan peranan menyebarkan ilmu keagamaan ke seluruh dunia Melayu.<sup>39</sup>

Justeru, kini tulisan Jawi tidak lagi dimartabatkan dalam media dakwah di sekolah agama di Selatan Thailand. Ia sudah diketepikan dan kesedaran tentang tulisan Jawi sudah tidak penting lagi, seolah-olah pengajian agama tidak ada hubungan langsung dengan tulisan Jawi. Buktinya, setiap urusan rasmi di sekolah tidak lagi menggunakan tulisan lain melainkan tulisan Thai. Perhubungan antara sesama pelajar sentiasa mengguna bahasa dan tulisan Thai. Juga terdapat beberapa isu yang terselindung di sebalik fenomena ini yang perlu diberi perhatian oleh semua pihak. Isu yang terpenting ialah tentang kedudukan tulisan Jawi di sekolah menengah di Selatan Thailand. Soalnya, adakah tulisan Jawi sebagai media dakwah dan sebagai tulisan yang digunakan dalam penyebaran ilmu-ilmu agama dapat dipertahankan?

---

<sup>38</sup> *Ibid.*

<sup>39</sup> Ahmad Farid (peny.) (2005) *Tulisan Jawi Sejarah, Seni dan Warisan*, Pahang: Lembaga Muzium Negeri Pahang, Raihan Creative (M) Sdn Bhd, hlm 34.

Permasalahan ini perlu diberi perhatian segera oleh pihak-pihak yang prihatin dan terlibat secara langsung dengan isu tersebut kerana kelewatan menangani isu ini akan menjejaskan kedudukan bahasa dan tulisan Jawi. Besar kemungkinannya tulisan Jawi di sekolah agama rakyat wilayah Selatan Thailand akan pupus. Justeru, kajian perlu dilakukan bagi mengenal pasti hala tuju tulisan Jawi di sekolah menengah agama rakyat di Selatan Thailand dan kedudukan tulisan Jawi dalam kalangan pelajar sekolah agama rakyat di Selatan Thailand. Hal ini akan menentukan kewibawaannya sebagai tulisan yang melambangkan agama Islam dan tulisan Jawi terus menjadi satu warisan budaya yang perlu terus dipelihara supaya ia tidak terus luput ditelan zaman.

### **1.3 Persoalan Kajian**

Berdasarkan permasalahan tersebut, kajian ini akan mengkaji hala tuju tulisan Jawi di sekolah menengah agama rakyat di Selatan Thailand. Persoalan kajian telah dikenal pasti seperti berikut:

- 1: Bagaimanakah perkembangan tulisan Jawi dan pondok di Selatan Thailand?
- 2: Bagaimanakah kedudukan tulisan Jawi di sekolah menengah agama rakyat di Selatan Thailand?
- 3: Bagaimanakah realiti dan hala tuju tulisan Jawi di sekolah menengah agama rakyat di Selatan Thailand?

- 4: Apakah perkara-perkara sesuai yang perlu dilakukan untuk memajukan penggunaan tulisan Jawi di sekolah agama rakyat di Selatan Thailand?

#### **1.4 Objektif Kajian**

Objektif kajian ini telah ditetapkan seperti berikut:

1. Untuk mengkaji perkembangan tulisan Jawi dan pondok di Selatan Thailand.
2. Untuk mengkaji kedudukan tulisan Jawi di sekolah menengah agama rakyat di Selatan Thailand.
3. Untuk menganalisis realiti dan hala tuju tulisan Jawi di sekolah menengah agama rakyat di Selatan Thailand.
4. Untuk menyarankan pendekatan yang bersesuaian bagi memajukan penggunaan tulisan Jawi di sekolah menengah agama rakyat di Selatan Thailand.

#### **1.5 Skop Kajian**

Kajian ini hanya memfokuskan perhatian kepada aspek-aspek berikut.

##### **1.5.1 Kawasan Kajian**

Kajian akan melibatkan tiga wilayah di Selatan Thailand yang termasuk wilayah Pattani, wilayah Yala dan wilayah Narathiwat sahaja. Tiga kawasan ini telah dipilih untuk kajian ini kerana kebanyakan sekolah agama rakyat berada di tiga wilayah Selatan Thai ini berbanding dengan kawasan-kawasan lain di Thailand.

Selain itu, di ketiga-tiga wilayah tersebut penggunaan tulisan Jawi dan bahasa Melayu Jawi adalah paling meluas.<sup>40</sup>

### **1.5.2 Jenis Sekolah**

Kajian ini akan menumpukan perhatian kepada lapan buah sekolah agama rakyat di tiga wilayah Selatan Thailand. Sekolah-sekolah tersebut telah dipilih menggunakan kaedah pensampelan bertujuan; empat daripada sekolah-sekolah tersebut mewakili wilayah Yala. Pemilihan ini dilakukan kerana sekolah-sekolah tersebut merupakan sekolah yang masyhur di wilayah Yala. Kebetulan pula kawasan tersebut merupakan tempat asal pengkaji. Pemilihan tersebut telah membantu penyelidik menjimatkan kos perjalanan untuk mendapatkan data. Dua buah sekolah lagi dipilih untuk mewakili wilayah Narathiwat, manakala dua buah sekolah lagi dipilih untuk mewakili wilayah Pattani. Pemilihan sekolah-sekolah tersebut penting untuk mendapat gambaran yang menyeluruh tentang permasalahan yang ingin dikaji. Seterusnya, lapan buah sekolah yang dipilih untuk dijadikan tumpuan kajian ini dikategorikan sebagai sekolah agama rakyat sudah lama ditubuhkan. Sekolah-sekolah yang menjadi tumpuan kajian ini terdiri daripada sekolah Pattana Witya, sekolah Sifarida Baru Witya, sekolah Darulhuda Witya, Sekolah Arrahmaniah Beraol, sekolah Samarddee Witaya, sekolah Ton Tanjung Witaya, Sekolah Patanatsat Witya Kotabaru, dan Sekolah Artarkiah Islamiah.

---

<sup>40</sup> Temu bual dengan Ustaz Abdulrahman Toklong, Pensyarah Akademi Pengajian Melayu Universiti Fatoni, pada tarikh 5/12/1012.

### **1.5.3 Subjek Kajian**

Subjek kajian ini hanya tertumpu kepada pelajar-pelajar yang terlibat dengan penggunaan tulisan Jawi yang selalu digunakan di sekolah menengah agama rakyat di Selatan Thailand. Mereka adalah terdiri dari pelajar dari lapan buah sekolah menengah agama rakyat di Wilayah Selatan Thailand. Analisis ini bertujuan untuk melihat secara mendalam kedudukan hala tuju masalah penguasaan dan penggunaan tulisan Jawi dalam kalangan pelajar-pelajar di sekolah yang dipilih.

## **1.6 Metodologi Kajian**

Kaedah yang diguna pakai dalam kajian ini terdiri daripada kaedah-kaedah seperti berikut:

### **1.6.1 Kajian Perpustakaan**

Pertama, pengumpulan data kajian ini tertumpu kepada pengumpulan maklumat perpustakaan yang berkaitan dengan tulisan Jawi di Selatan Thailand. Bahan-bahan maklumat ini di kumpul daripada beberapa perpustakaan, seperti Perpustakaan Hamzah Sendut 1, Universiti Sains Malaysia, Perpustakaan Hamzah Sendut 2, Universiti Sains Malaysia, Perpustakaan Za'ba Universiti Malaya, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Negara Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Perpustakaan Universiti Fathoni, Perpustakaan Universiti Prince of Songkhla Nakharing kampus Pattani, Universiti Rajpat Yala dan kedai kitab Nahdi Pattani. Bahan-bahan yang diperoleh merupakan buku, jurnal yang berkaitan dengan latar belakang masalah, pengertian tajuk dan perbincangan tentang tulisan Jawi.

## **1.6.2 Kajian Lapangan**

### **1.6.2(a) Kaedah Pensampelan Bertujuan**

Kaedah pensampelan bertujuan telah digunakan untuk memilih lapan buah sekolah sebagai sampel daripada beberapa buah sekolah agama rakyat di tiga wilayah Selatan Thailand. Sementara itu, 500 orang pelajar telah dipilih sebagai responden untuk menjawab soal selidik kajian. Sampel ini digunakan bagi tujuan mendapatkan data mengenai kedudukan hala tuju tulisan Jawi dalam kalangan pelajar-pelajar di lapan buah sekolah menengah agama rakyat. Kaedah soal selidik ini bertujuan untuk melihat sambutan pelajar-pelajar terhadap tulisan Jawi, di samping untuk mengetahui masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar dalam penggunaan tulisan Jawi, serta cara untuk menyelesaikan masalah tentang penggunaan tulisan Jawi di sekolah menengah agama rakyat.

Maklumat tentang penggunaan tulisan Jawi juga diperolehi melalui temu bual secara langsung dengan sebahagian daripada guru-guru yang mengajar bahasa Melayu, terutamanya untuk mengetahui tentang pengajian bahasa Melayu tulisan Jawi di sekolah agama rakyat yang berkaitan. Untuk itu, kerja lapangan juga dijalankan di kawasan kajian untuk mengumpulkan data. Dalam kerja lapangan ini penyelidik telah mengadakan temu bual dengan guru-guru, menjalankan pemerhatian dan melaksanakan penglibatan turut serta, dan mengadakan sesi soal selidik.<sup>41</sup>

---

<sup>41</sup> Wan Abdul Kadir (2003) *Pengkaedahan Penyelidikan Pengajian Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, hlm. 4.

### 1.6.2(b) Kaedah Temu Bual

Kaedah temu bual merupakan satu kaedah pengumpulan maklumat secara lisan dengan menemu bual secara langsung dengan pakar-pakar berwibawa yang dipilih khas. Kaedah penting, kerana persoalan tentang perkara yang dikaji dikemukakan kepada peserta yang ditemu bual dilakukan secara terbuka bagi mendapatkan maklumat yang lebih mendalam. Data yang di peroleh melalui kaedah temu bual ini bersifat lebih fleksibel yang mungkin tidak dapat diperoleh melalui kaedah-kaedah yang lain.

Kaedah temu bual digunakan untuk mendapatkan data atau maklumat-maklumat mengenai perkara-perkara yang dibincangkan dalam kajian ini khususnya maklumat yang tidak didokumentasikan. Kaedah temu bual ini dipilih kerana ia boleh menyalurkan maklumat berupa pengalaman tentang perkara yang menjadi persoalan kajian. Melalui soalan-soalan yang dikawal, maklumat-maklumat yang diperoleh daripada informan yang berlainan dapat memberi gambaran mengenai fenomena yang diukur.<sup>42</sup>

Kaedah ini juga akan dijalankan untuk tujuan mendapat pandangan peribadi responden pilihan yang boleh dipercayai dan mempunyai pengetahuan mendalam berkaitan dengan tajuk kajian. Kaedah ini juga digunakan untuk mendapatkan keterangan daripada responden secara bersemuka. Data seperti ini hanya boleh diperoleh melalui temu bual yang dicatat secara langsung.<sup>43</sup>

---

<sup>42</sup>Abu Bakar Nordin (1995) *Penilaian Afektif*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 70.

<sup>43</sup>Koentjaraningrat (1991) *Metode-metode Penelitian Masyarakat.c.2*. Jakarta: PT.Gramedia, hlm. 7. Lihat Ahmad Mahdhan Ayub (1985) *Kaedah Penyelidikan Sosio Ekonomi: Suatu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 5.



Pada masa yang sama, kajian yang dijalankan ke atas informan yang dipilih bagi mendapatkan data tambahan berkaitan tajuk kajian. Kesemuanya berjumlah 15 orang<sup>44</sup> yang terdiri daripada guru-guru yang mengajar bahasa Melayu dan terlibat secara langsung dengan tulisan Jawi seperti ketua bahagian pelajaran dan pengarah sekolah. Semua temu bual yang dijalankan telah berlangsung sejak awal tahun 2012 M hingga akhirnya tahun 2017. Lanjutan tempoh temu bual yang memakan masa hampir 5 tahun berlaku ekoran penambahan data temu bual yang diperlukan bagi melengkapkan hasil analisis. Temu bual ini telah dijalankan oleh pengkaji secara bersemuka dan berkala dengan setiap informan yang terlibat. Temu bual yang dijalankan secara rasmi bersama guru sekolah yang terlibat dalam kajian ini telah mendapat pengesahan oleh pengetua sekolah berkenaan.

#### **1.6.2(c) Kaedah Pemerhatian**

Kaedah pemerhatian juga digunakan dalam kajian ini. Kaedah ini digunakan untuk memerhati responden secara langsung dan berulang kali serta mencatatkan maklumat yang diperhatikan.<sup>45</sup> Kaedah ini digunakan untuk menyelidik pelaksanaan pengajian bahasa Melayu tulisan Jawi dan metodologi dalam pengajaran bahasa Melayu tulisan Jawi, peranan guru bahasa Melayu, keadaan pelajar, suasana kelas dan aktiviti pengajian bahasa Melayu tulisan Jawi. Pemerhatian ini akan dijalankan di sekolah-sekolah yang dipilih sebagai sasaran kajian ini.

---

<sup>44</sup> Nama dan maklumat lengkap informan di senarai dalam Lampiran E.

<sup>45</sup> Koentjaraningrat, *op.cit*, hlm. 129.